



KATA PENGANTAR

**PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

Persekitaran ekonomi global kekal mencabar berikutan konflik geopolitik yang berlarutan seterusnya mengakibatkan peningkatan harga tenaga serta gangguan rantaian bekalan global. Selain itu, keadaan cuaca ekstrem telah memperlambatkan pelbagai usaha kebanyakan negara membangunkan semula infrastruktur, masyarakat dan perniagaan. Faktor tersebut telah meningkatkan tekanan inflasi serta menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global.

Ekonomi Malaysia telah menunjukkan daya tahan dan prestasi yang melebihi jangkaan dengan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 8.9% pada suku kedua 2022 meskipun berdepan pelbagai ketidakpastian global. Pertumbuhan ini terutamanya dipacu oleh peralihan negara kepada fasa endemik serta permintaan domestik dan luar negeri yang kukuh berlandaskan ekonomi Malaysia yang pelbagai dan terbuka, asas ekonomi yang teguh serta dasar fiskal dan monetari yang baik.

Alhamdulillah, langkah dasar Kerajaan yang responsif dan bersesuaian telah menyumbang dengan ketara kepada pemulihan semula perniagaan dan aktiviti ekonomi. Walaupun peristiwa banjir besar telah berlaku pada Disember 2021 dan Januari tahun ini, namun tindak balas dasar negara membolehkan aktiviti perniagaan dan komuniti kembali normal dengan segera. Di samping itu, pembukaan semula sempadan telah mempergiat perdagangan dan perjalanan yang seterusnya merencanakan aktiviti ekonomi domestik. Perundangan baharu berkaitan anti lompat parti serta bukti jelas kebebasan badan kehakiman kita, mencerminkan integriti dan tadbir urus sistem yang semakin baik seterusnya meningkatkan keyakinan perniagaan dan sentimen pelaburan. Kesemua tindak balas dasar ini telah menyumbang kepada trajektori pertumbuhan ekonomi Malaysia yang diunjur kepada 6.5% hingga 7% pada 2022.

Melangkah ke tahun ketiga Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025, Kerajaan akan memperkukuh langkah bagi merencanakan aktiviti ekonomi dengan memudah cara penerimgunaan teknologi digital yang lebih meluas, meningkatkan produktiviti buruh dan memastikan peluang perniagaan yang lebih baik. Asas makroekonomi kita yang kukuh serta dasar fiskal yang pragmatik, akomodatif dan fleksibel telah mempersiapkan negara untuk mendepani sebarang cabaran persekitaran luaran pada masa hadapan. Seterusnya, pembaharuan dan peluang bertunjangan kemampuan serta prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) akan membantu memastikan bahawa – biarpun dilanda cabaran kini dan masa hadapan – kita akan mencapai cita-cita untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dan berteknologi tinggi, Insya-Allah.

Pertumbuhan ekonomi pada 2023 akan dipacu terutamanya oleh penggunaan dan pelaburan domestik. Sektor swasta hendaklah terus memainkan peranan penting dalam menerajui aktiviti ekonomi domestik secara bijaksana dan tangkas untuk mewujudkan kedinamikan yang perlu bagi melonjakkan pertumbuhan. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus menyediakan sokongan infrastruktur, insentif dan pentadbiran yang berkaitan bagi menggalakkan peluang perniagaan dan pelaburan.

Sebagai Kerajaan yang responsif dan bertanggungjawab, kita bertekad untuk meringankan beban rakyat melalui pelbagai langkah yang terkandung dalam Bajet 2023. Kerajaan berikrar untuk membantu golongan rentan dan mengukuhkan jaringan keselamatan sosial di samping mengurus sumber negara secara berkesan dengan memastikan subsidi disasarkan secara strategik kepada rakyat yang amat memerlukannya. Langkah Bajet 2023 juga akan memastikan pemulihan ekonomi yang memberi manfaat kepada semua dengan menyediakan pekerjaan yang lebih baik, pendapatan yang lebih tinggi dan peningkatan peluang pekerjaan untuk #KeluargaMalaysia. Tumpuan kita terhadap pembangunan mampan juga akan membuka ruang kepada pertumbuhan yang saksama dan inklusif demi kemakmuran rakyat dalam jangka masa panjang.

Bagi mendokong Bajet 2023, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mengekalkan kemampuan fiskal dalam mendepani situasi global yang tidak menentu. Usaha ini jelas dicerminkan melalui Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2023 yang menggariskan pengurusan fiskal negara pada 2022 dan unjuran pada 2023. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menyumbang kepada penyediaan dan penerbitan laporan ini.



DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB

7 Oktober 2022